

Headline	Kilat KL pertahankan Piala FA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	26
ArticleSize	263 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,594		



Kilat KL pertahankan Piala FA

KUALA LUMPUR 15 Mei - Kelab Kilat Kuala Lumpur (Kilat KL) mempertahankan kejuaraan Piala FA Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) musim ini selepas menewaskan Pulapol FC 2-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, Isnin lalu.

Ketua Jurulatih Kilat KL, Farliefirdaus Salim memuji persembahan anak buahnya yang berjaya mengekalkan momentum walaupun diberi tekanan hebat Pulapol sejak awal permainan.

"Alhamdulillah, kami berjaya

mempertahankan kejuaraan musim ini.

"Terima kasih juga kepada semua yang terbabit terutama Pengurusan TNB kerana terus memberi sokongan kepada pasukan ini," kata Farliefirdaus.

Dalam perlawanan akhir tersebut menyaksikan kedua-dua pasukan mempamerkan aksi seimbang ketika awal saringan sebelum Kilat KL mula mendahului lawan 2-0 hasil jaringan Saysupallan Vallu pada minit ke-16 dan Eugene Philip Abbah minit ke-20.

Babak kedua perlawanan da-

pat dilihat tekanan mula dirasai Pulapol FC yang berusaha mengandakan serangan bagi mendapatkan jaringan sebelum berjaya merapatkan kedudukan pada minit ke-61 menerusi gol daripada Mohd. Ashraf Hamidi.

Bagaimanapun, kedudukan 2-1 kekal memihak Kilat KL hingga wisel penamat sekali gus membolehkan mereka dinobatkan sebagai juara.

Selaku juara Kilat KL menerima wang tunai RM15,000 serta piala dan medal manakala naib juara, Pulapol FC membawa pulang RM7,000 serta medal.



PEMAIN Kilat KL meraikan kejayaan menjuarai Piala FA di Stadium KLFA, Cheras, Isnin lalu.